

NO. SOALAN : 8

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

TARIKH : 18 OKTOBER 2018 (KHAMIS)

SOALAN NO. 8

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi memastikan sasaran melatih 3,000 profesional melalui penubuhan National Rail Centre of Excellence (NRCE) dapat diteruskan.

JAWAPAN:

Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan penubuhan National Railway Center of Excellent (NRCE) telah dicetuskan berikutan perkembangan pesat industri rel Negara. Dianggarkan dalam tempoh 10 tahun akan datang, industri rel bakal menjana permintaan yang tinggi terhadap tenaga kerja professional, mahir dan separa mahir dalam bidang operasi, pembuatan dan pengurusan perkeretapian. Justeru penubuhan NRCE dijangkakan boleh memastikan tenaga mahir dalam perkhidmatan dapat dihasilkan sejajar dengan matlamat menjadikan sektor pengangkutan awam terus berdaya saing dan berdaya maju.
2. Namun begitu, bagi mengelakkan pembaziran sumber serta pertindihan fungsi dengan mana-mana pihak berkaitan, Kerajaan pada 6 April 2018 telah bersetuju supaya penubuhan NRCE ditangguhkan sehingga kajian terperinci dilaksanakan.